

MAHATHIR

1978

IPOH, 26 NOV. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA GOLONGAN PEKERJA MALAYSIA MEMBUKTIKAN DAYA PENGELUARAN MEREKA SUPAYA LEBIH RAMAI PELABUR ASING MENANAM MODAL DI NEGARA INI.

+USAHA GALAKAN PELABURAN KITA TELAH MENDATANGKAN HASIL DAN KINI ADALAH PERLU BAGI PEKERJA-PEKERJA KITA MEMAINKAN PERANAN MEREKA DENGAN MEMBUKTIKAN DAYA PENGELUARAN MASING-MASING+, KATA BELIAU.

BERUCAP MERASMIKAN KILANG J.A. CRABTREE (M) SDN. BHD+, SEBUAH SYARIKAT USAHA SAMA MALAYSIA-BRITISH DI SINI, DATUK SERI KDR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENE--GASKAN DAYA PENGELUARAN MEMANG DIPANDANG BERAT OLEH SETIAP PELABUR.

MENURUT BELIAU, PERKARA ITU MERUPAKAN SOALAN PERTAMA YANG DITERI MANYA DARI PARA PENIAGA SEMASA MENGEUAI ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN MALAYSIA KE LUAR NEGERI BARU-BARU INI.

SOALAN ITU, TAMBAHNYA, PALING BAIK SEKALI DIJAWAB DENGAN MEMBERIKAN CONTOH DAN UNTUK ITU, ADALAH PENTING BAGI MEREKA YANG BERJAYA MENDAPAT PEKERJAAN DI KILANG-KILANG YANG DIDIRIKAN DI NEGARA INI MEMBUKTIKANNYA. —BERSAMBUNG 1440/BY

MAHATHIR 2 IPOH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH PUN MEMAINKAN PERANANNYA DALAM MENGGALAKAN PELABURAN ASING DATANG KE NEGARA INI. SEKARANG TERPULANGLAH KEPADA GOLONGAN PEKERJA MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN MEREKA SUPAYA TENAGA KERJA NEGARA INI MENJADI FAKTA UTAMA BAGI MENGGALAKAN PELABUR ASING DATANG KE MALAYSIA.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN DI NEGARA INI TELAH DENGAN SENGAJA MEMUTAR-BELITKAN DAKWAAN KERAJAAN BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI TENAGA KERJA YANG RENDAH KOSNYA.

KATANYA, KENYATAAN ITU TIDAK BERMAKNA BAHAWA BAYARAN GAJI DI MALAYSIA ADALAH RENDAH BERDASARKAN TARAF HIDUP NEGARA INI.

+MEMANGLAH BENAR BAHAWA GAJI YANG DIBAYAR KEPADA PEKERJA KITA ADALAH 10 KALI LEBIH RENDAH DARI YANG DIBAYAR DI NEGARA-NEGARA LAIN SEPERTI JEPUN TETAPI HENDAKLAH DIINGAT BAHAWA SEBIJI EPAL DI JEPUN BERTARAF KIRA-KIRA 16 KALI

EBIH TINGGI DARI YANG DIJUAL DI NEGARA INI+, UJARNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APA YANG PENTING KEPADA PARA PELABUR IALAH TENAGA KERJA MALAYSIA ADALAH SALAH SATU YANG TERMURH DI DUNIA. —BERSAMBUNG 1443/BY

££

B540

MAHATHIR 3 IPOH

MENURUTNYA, GOLONGAN YANG SAMA JUGA TELAH MEMPERSOALKAN TENTANG MATLAMAT KERAJAAN MENGGALAKAN PELABURAN ASING.

MEREKA MENYATAKAN BAHAWA PELABURAN ASING AKAN MENJADIKAN GOLONGAN KAYA BERTAMBAH MEWAH SEDANGKAN RAKYAT BIASA AKAN TERUS HIDUP DALAM KEADAAN MISKIN.

TETAPI MALANGNYA MEREKA TIDAK MENYEBUT HAKIKAT BAHAWA BERIBU-RIBU ORANG YANG MENGANGGUR TELAH MENDAPAT KERJA DARI KILANG-KILANG YANG DIBUKA DI SELURUH NEGARA, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MUNGKIN TIDAK MEMERLUKAN WANG DARI PELABUR ASING UNTUK MEMAJUKAN NEGARA INI +TETAPI KITA MEMERLUKAN PEKERJA-PEKERJA YANG BOLEH DISEDIAKAN OLEH KILANG MEREKA UNTUK RAKYAT YANG MENGANGGUR+.

—BERSAMBUNG 1445/BY